

15/10/2003

Warisan tamadun Islam RM10 juta dipamer

WARISAN seni tamadun Islam berusia ratusan tahun bernilai kira-kira RM10 juta adalah antara pameran yang dijangka menarik perhatian pengunjung Ekspo OIC 2003.

Barangan yang menggambarkan keajaiban seni dan keagungan tamadun Islam zaman berzaman itu dipaparkan menerusi pameran bertajuk `Evolusi Kesenian dan Tamadun Islam'.

Salah satu daripada 600 peserta yang mengambil bahagian ialah Indera Tuah Sdn Bhd, sebuah syarikat pengumpul dan pembekal artifak tempatan.

Ia mempamerkan persenjataan lama, mata wang, alat kebesaran, istiadat dan perhiasan, dokumen tulisan tangan lama serta peralatan astronomi kenderaan.

Antara yang dipamerkan ialah pintu Masjid Penagor, Terengganu yang berusia 300 tahun. Apa yang menarik, pintu diperbuat daripada kayu cengal yang bertulis ayat al-Quran dan corak seni Islam, masih berkeadaan baik.

Turut dipamerkan kereta kuda Kerajaan Solo, Indonesia yang diperbuat pada 1808. Kereta kuda yang dianggarkan bernilai kira-kira RM500,000 digunakan bagi kegunaan pembesar kerajaan itu juga masih elok.

Barang lain ialah kacip hukum abad ke-16, duit kucing Sultan Kamaludin Brunei Darussalam abad ke-14 hingga 17, cokmar khutbah dari Brunei Darussalam, baju besi pahlawan Bugis Datuk Bijaya Sura dan mesin pencetak duit emas.

Syarikat itu turut menyediakan ruang khusus bagi mempamerkan barang milik Kesultanan Brunei.

Pengarah Eksekutifnya, Shikh Ahmad Marzuki Shikh Yusof, berkata orang ramai perlu merebut peluang menyaksikan pameran berkenaan yang memaparkan lebih 60 barang yang mempunyai pelbagai keajaiban seni warisan Islam.

"Ia dihasilkan oleh mereka yang pakar dan keadaannya masih terpelihara hingga sekarang," katanya ketika ditemui tapak ekso.

Ekspo julung kali sempena Sidang Kemuncak OIC itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Selain Indera Tuah Sdn Bhd, Pavilion Brunei Darussalam turut mempamerkan warisan kesenian Islam yang juga koleksi peribadi Sultan Brunei.

Pada pameran kali ini, syarikat berkenaan menempah ruang seluas 400 meter persegi.